

## REFLEKSI KOMUNIKASI BERKESAN DALAM PERIBADI RASULULLAH s.a.w.

MOHD NORZI BIN NASIR

[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

NURUL 'ASYIKIN BINTI ISMAIL

ABUR HAMDY BIN USMAN

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Islam merupakan sebuah agama yang mendidik umatnya agar berkomunikasi dengan cemerlang. Ia mengajar manusia supaya menjaga segala adab dan tertib komunikasi. Segala tindakan manusia akan dikira di akhirat kelak. Perlu diingat bahawa ledakan teknologi terkini telah memperlihatkan penggunaan sosial yang sangat dekat dengan pengguna dan audiens alam maya juga melalui komunikasi. Berkomunikasi sangat dituntut dalam Islam dengan berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah s.a.w. merupakan utusan Allah yang terulung dan komunikator terbaik kepada sekalian umat. Kertas kerja ini membahaskan tentang beberapa contoh komunikasi berkesan yang diterjemahkan oleh baginda s.a.w. kepada umatnya melalui komunikasi lisan dan bukan lisan. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, menerusi instrumen kajian kepustakaan dan analisis dokumen yang termuat dalam jurnal-jurnal, buku-buku dan dapatan melalui carian di laman sesawang berkaitan tajuk. Melalui kertas kerja ini komunikasi lisan dan bukan lisan dapat diketahui melalui beberapa contoh yang diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w.*

**Kata Kunci:** Adab, Komunikasi Tanpa Lafaz, Rasulullah s.a.w., al-Quran, al-Sunnah.

### 1. Pendahuluan

Komunikasi sangat dituntut dalam Islam dengan berpandukan kepada ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah. Pelbagai kaedah dan medium telah digunakan sejak zaman Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan mesej dakwah islamiah. Setiap umat Islam adalah komunikator Islam, iaitu berperanan sebagai seorang dai dan diletakkan tanggungjawab di peringkat wajib menyampaikan mengikut kadar keupayaan mereka. Justeru, komunikator Islam perlu membawa mesej kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada khalayak.

Menurut (Saleh: 2012) komunikasi adalah proses menarik perhatian individu lain untuk tujuan pengingatan semula. Ia juga ditafsirkan sebagai diskriminasi respon atau penapisan mesej oleh

penerima. Komunikasi juga ditakrifkan sebagai transmisi informasi yang mengandung diskriminasi rangsangan dari sumber kepada penerima. Dari segi tujuan, sumber mempunyai tujuan yang tertentu apabila menyampaikan mesej kepada penerima

## **2.0 Fungsi Komunikasi**

Fungsi komunikasi juga disebut perkongsian, manusia suka dan bahagia apabila nasib mereka baik dan sedih apabila nasib mereka buruk. Apabila mereka mendapat nikmat, manusia perlu menambahkan lagi rasa kenikmatan yang dialaminya, dan mereka perlu rasa kesengsaraan yang menimpa mereka. Dengan berkongsi tuah dengan orang-orang lain, mereka merasakan nikmat yang lebih banyak. Dengan berkongsi kesedihan, rasa sengsara mereka akan berkurangan. Oleh itu manusia ingin berkongsi dengan orang-orang lain segala tuah dan nasib baik yang mereka terima. Melalui perkongsian seperti itu barulah dengan itu mereka berasa hidup mereka lebih bererti. Kegembiraan dan kesedihan dapat dikongsi dengan orang-orang lain melalui aktiviti bercakap-cakap dan berbual-bual (Jaes, 2014).

## **2.1 Teknik Komunikasi Yang Berkesan**

Ketika bercakap dengan seseorang boleh membaca reaksi, selalunya kita dapat melihat berbagai-bagai reaksinya. Antara reaksi yang dapat dilihat ialah merenung tajam mata kita, memandang ke arah lain, memainkan jari-jari tangan, memandang kita dengan bersahaja, hanya sesekali-sekala memandang muka kita, berwajah serius, berwajah sedih dan berbagai-bagai reaksi lagi. Reaksi-reaksi seumpama itu sebenarnya merupakan pengalihan atau manifestasi rasa hati atau rohani seseorang. Semua reaksi seseorang merupakan gambaran makna yang tersendiri. Makna-makna ini lazimnya dapat kita baca atau mengetahuinya dengan mudah. Walau bagaimanapun ada ketikanya kita tidak menyedari hakikat reaksi seseorang disebabkan kita tidak begitu memahaminya (Hamzah, 2001)

## **2.2 Kelebihan Komunikasi Bukan Lisan**

Komunikasi yang baik menjamin perhubungan berkesan. Namun perhubungan berkesan tidak terhad pada komunikasi lisan semata-mata. Ia turut meliputi komunikasi bukan lisan.

Komunikasi lisan hanya bermula sekitar 160,00 hingga 350,000 tahun dahulu sebaliknya komunikasi bukan lisan sudah bermula sejak zaman Nabi Adam (Pa, 2011). Komunikasi bukan lisan menyumbang 80 peratus keseluruhan komunikasi. Petey Parker mempunyai pengalaman lebih 23 tahun sebagai jurulatih komunikasi. Dia menyebut bahasa badan dapat mempengaruhi tanggapan pertama (Pa, 2011). Komunikasi bukan lisan juga dilihat sangat penting dalam komunikasi apabila dapat menyampaikan makna yang lebih berkesan berbanding komunikasi lisan (Hamzah, Kaedah Komunikasi Berkesan, 2001).

Antara kelebihan komunikasi tanpa lisan ialah:

### **2.2.1 Mencari Sinar Aura**

Selain telinga, kita berkomunikasi melalui mata. Di samping komunikasi lisan, komunikasi bukan lisan juga mustahak diberi perhatian. Komunikasi bukan lisan adalah sumber aura yang menyerlahkan gaya, mutu, dan keunggulan (Ismail, 2008).

Selain itu, ada antara kita lebih mempercayai perkara yang dilihat berbanding didengar. Memori mereka lebih mudah menyimpan maklumat dalam bentuk imej berbanding bunyi. Jadi impresi pertama kekal melekat dalam minda seseorang. Aura dan karisma terbit dari banyak faktor. Antaranya kekuatan rohani, keteguhan pendirian dan kekentalan jiwa. Jadi tidak dapat diperoleh sekelip mata. Ia memerlukan usaha yang bukan sedikit.

Selain itu, suasana, sikap dan perasaan yang kita cipta mampu mempengaruhi pergerakan badan dan ekspresi wajah. Kehangatan semangat dan nyalarsa yang terbina dalam diri kita dapat menjamin penampilan diri yang bertenaga. Malah ia dapat mempengaruhi orang di sekitar kita. Kebolehan memahami dan mentafsirkan bahasa badan mempunyai faktor penting bagi meningkatkan aura. Bahasa badan mempunyai kuasa luar biasa. Ia mampu membina personaliti dan karakter peribadi yang berpengaruh.

Walaupun secara zahirnya kita tidak berkata apa-apa, modus operandi secara senyap ini memberi kita kelebihan. Apabila kita terlibat dalam perang lidah, bahasa badan mampu memberitahu hujah kita, walau keadaan senyap. Dengan aura badan kita dapat 'memukau' orang. Sebagai contoh, kita dapat mengawal mata dan fokus orang itu semasa kita bercakap (Ismail, 2008).

### 2.2.2 Tip Membina Aura

Menurut Linda Blair, ahli psikologi sosial dan penulis buku *Straight Talking*, kita cuma memerlukan tujuh saat bagi menilai orang yang kita temui kali pertama. Oleh kerana perkara ini berlaku di luar pemikiran seda, maka kita tidak perasan. Tiba-tiba kita sudah melabel orang lain dengan tanda harga, sebagaimana di pasar raya. Jadi bagi memancarkan aura kita ketika kali pertama bertemu, lima tip berikut dapat dicuba iaitu mengambil masa membuat persediaan sebelum bertemu misalnya berutus emel dan bersembang secara maya dengan gaya kurang formal terlebih dahulu dapat meningkatkan kemesraan. Jadi, apabila kita bersemuka pada kali pertama, keadaan menjadi seperti kita sudah saling mengenali bertahun-tahun lamanya (Ismail, 2008).

Seterusnya, bersalamlah dengan genggaman yang kemas dengan cara ini dapat mengalirkan aura kita kepada orang lain. Berdiri dengan tegak. Bukan membongkok. Ia menjadikan kita kelihatan lebih yakin. Kajian oleh Universiti *Iowa*, Amerika Syarikat mendapati bersalaman dengan mesra memberi lebih kesan kepada impresi pertama berbanding pakaian yang mahal dan cantik. Kemudian dengan memberikan senyuman juga pastikan senyuman kita bukan senyuman 'plastik'. Senyuman palsu mudah hilang serinya. Sebaliknya senyuman ikhlas kekal segar lalu menyerikan wajah. Senyum adalah sedekah, senyum adalah ibadah. Seterusnya, mendoakan sebelum berpisah itu menandakan rasa syukur dapat bertemunya. Tunjukkan isyarat seperti menadah tangan. Kita juga mahu tempas rahmat daripada doa itu terkena kita. Apabila kita mendoakan kebaikan orang lain maka jutaan malaikat juga mendoakan kebaikan, kesejahteraan, dan kehebatan kita dan kita perlu sentiasa menunjukkan minat kepada orang lain iaitu apabila kita tidak berminat mengetahui tentang orang lain, orang itu pun tidak minat hendak berurusan dengan kita. Baca dahulu profilnya di Facebook sebelum bertemu. Cari persamaan yang ada. Huraian lanjut tentang teknik ini dapat dibaca daripada banyak buku berkaitan komunikasi (Ismail, 2008).

### **3. Rasulullah s.a.w Sebagai Model Komunikasi Terbaik: Beberapa Contoh Komunikasi Dalam Islam Yang Berkesan Refleksi dari Peribadi Nabi s.a.w**

Rasulullah s.a.w. mendidik dengan sikap dan akhlak kerana apa yang baginda ucapkan dilaksanakan. Seluruh kandungan al-Quran itu menterjemahkan diri baginda zahir dan batin. Sehingga isteri baginda s.a.w Aisyah Ummul Mukminin ra mengatakan Rasulullah adalah al-Quran yang berjalan. Kaedah guru melakukan dahulu apa yang hendak diajar dan dididik sebelum diajarkan kepada muridnya adalah rahsia yang cukup penting dan diperintahkan oleh Allah S.W.T melalui al-Quran.

Rasulullah s.a.w. membuktikan tentang praktikalnya al-Quran sekali gus memberi contoh berkenaan cara hidup Islam yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Sikap dan akhlak baginda itu dicontohi dan diikuti oleh para sahabat. Para sahabat berlumba-lumba mencontohi Rasulullah s.a.w..Setiap hukum-hakam Allah S.W.T yang disampaikan kepada mereka bukan sahaja mereka dengar dan patuh, bahkan mereka sanggup memperjuangkan dengan rela hati sebagai cita-cita hidup mereka.

#### **3.1 Rasulullah s.a.w. Bersikap Sopan Dan Beradab**

Rumah Rasulullah s.a.w. menjadi sumber adab dan sopan santun bagi kaum muslim mempelajari tata tertib contohnya ketika berziarah dan memasuki rumah baginda juga diajar petunjuk agar tidak lama-lama ketika berada di sana. Ia dapat dilihat ketika hari perkahwinan baginda dengan Zainab binti Jahsy (Mujahid, 2014).

Selain itu, kaum muslimin juga dapat mempelajari bagaimana harus merendahkan suara ketika minta izin untuk masuk ke rumah Rasulullah s.a.w.. Adab ini dipelajari ketika baginda berada di bilik salah seorang isterinya, datanglah sekumpulan orang Arab badwi dan memanggil baginda dengan suara keras dan lantang.

Ketika itu juga Allah SWT menegur mereka dengan perantara wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., “Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik (mu)

kebanyakan mereka tidak mengerti. Dan kalau sekiranya mereka bersabar sampai kamu keluar menemui mereka sesungguhnya itu lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Mujahid, 2014).

### **3.2 Rasulullah SAW Menyayangi Kanak-Kanak**

Sikap Rasulullah s.a.w. terhadap kanak-kanak menjadi puncak adab manusia. Ini jelas dilihat melalui kelembutan, cinta, kasih sayang yang luar biasa ditunjukkan baginda. Setiap kali bertemu anak-anak, sama ada waktu pagi atau pun petang, baginda sentiasa tersenyum dengan raut wajah yang cerah (Zamuldin, 2015).

Baginda menyapa mereka dengan lemah lembut walau dalam apa jua situasi. Tidak ada perkara kecil ataupun besar yang menghalangi baginda berbuat demikian. Demikian juga Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi kaum remaja. Anas bin Malik berkata, “Belum pernah aku lihat seseorang mencintai keluarganya melebihi Rasulullah s.a.w. (Zamuldin, 2015).

### **3.3 Senyuman Menterjemahkan Keindahan Bicara Nabi**

Baginda berbicara sambil mengukir senyuman. Kata Abu Darda’: “Tidaklah Rasulullah berbicara melainkan Baginda melakukannya sambil tersenyum.” (Riwayat Ahmad). Menjaga kesopanan perlulah dijaga. Anas bin Malik berkata: “Rasulullah tidak pernah melunjurkan lututnya di hadapan orang yang duduk bersamanya. Apabila seseorang menjabat tangannya. Baginda tidak menarik tangan sebelum orang itu melepaskannya. Apabila seseorang itu menghadapnya, Baginda tidak bangkit sehingga orang tersebut bangkit.” (Riwayat Ibn Majah) (Majidy, 2013).

### **3.4 Interaksi Rasulullah dengan Kanak-Kanak**

Rasulullah mendahului salam dengan kanak-kanak. Dari Anas menceritakan Rasulullah apabila melalui kanak-kanak yang sedang bermain, baginda akan terus memberi salam. (Riwayat al-Bukhari). Disamping itu juga, perlu memahami jiwa kanak-kanak dan menghiburkan mereka. Dari Anas menceritakan bahawa dia mempunyai adik yang kematian burungnya, lalu Rasulullah

menyapanya: Apa yang sudah terjadi dengan Nughair? (sebagai tanda menghiburkan kesedihan)". (Riwayat al-Tirmidhi) (Zamuldin, 2015).

Selain daripada itu juga, dengan menyertakan kanak-kanak dalam ibadat juga amat penting dimana pernah suatu ketika Rasulullah menjadi imam dalam solat berjemaah. Apabila baginda sujud, baginda tidak mengangkat kepala dalam masa yang lama. Selepas solat, para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, mengapa tuan memanjangkan sujud? Adakah wahyu telah turun kepada tuan? " Rasulullah menjawab: "Tidak, akan tetapi cucuku menaiki bahuku apabila aku tengah sujud. Aku membiarkannya bermain-main sehingga puas." (Riwayat al-Nasa'i).

Seterusnya, suka memberi pesan dan pengajaran pada kanak-kanak agar kukuh akidah di mana daripada Ibn Abbas r.a: "Pada suatu hari aku pernah membonceng di belakang Nabi (diatas kenderaan unta), Baginda berkata kepadaku: "Wahai anak, aku akan mengajarimu beberapa kalimat: "Jagalah Allah, nescaya Allah akan menjagamu. Jagalah Allah, nescaya engkau akan mendapati Allah dihadapanmu. Jika engkau memohon, mohonlah kepada Allah. Jika engkau meminta tolong, minta tolonglah kepada Allah ...". (Riwayat al-Tirmidhi). Dan yang terakhir ialah mendoakan mereka dimana Rasulullah pernah mendoakan Anas bin Malik sewaktu kanak-kanak yang bermaksud ya Allah perbanyakkanlah hartanya dan anak-anaknya, luaskanlah rumahnya, berkatilah dia dan semua kurniaan-Mu kepadanya, perbaikilah amalannya dan ampunkan untuknya." (Riwayat al-Bukhari). Diceritakan Anas menjadi antara sahabat Nabi yang terkaya, mempunyai ramai anak cucu serta mempunyai umur yang panjang (Zamuldin, 2015).

### **3.5 Rasulullah s.a.w Murah dengan Senyuman**

Anas bin Malik berkata,

" Jikalau ada sesuatu yang membuat hati Rasulullah s.a.w. senang, wajahnya memancarkan cahaya terang benderang laksana cahaya bulan purnama."

(Riwayat Abu Dawud no.4180)

Di dalam ayat Al-Quran :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۚ

Maksudnya:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

(Al-Qalam:4)

Antara akhlak terpuji yang diteladankan oleh Rasulullah s.a.w. ialah sikap positif dalam menjalani hidup bermasyarakat dengan menerapkan akhlak mulia, sopan santun dan ceria. Rasulullah s.a.w. melarang umatnya menjalani kehidupan dengan sikap yang negatif. Daripada Rasulullah s.a.w., senyum adalah satu ibadah. Sikap santun dan penuh ceria juga adalah salah satu sedekah yang mendapat pahala di sisi Allah S.W.T. Fahami realiti kehidupan. Senyum tidak memerlukan wang ringgit, bahkan melahirkan satu aura positif yang luar biasa. Seseorang itu tidak akan jatuh miskin jika melemparkan senyuman kepada orang lain. Bahkan akan menambahkan lagi kekayaan bagi orang yang mendapat senyumannya. Kekayaan bukan dari segi wang, tetapi dari segi akhlak (Majidy, 2013).

Senyuman itu mudah untuk dilakukan dan tidak memerlukan masa yang lama tetapi memberi kesan yang mendalam kepada seseorang. Sebagai contoh, senyuman Rasulullah s.a.w. mampu meluluhkan hati sesiapa sahaja yang melihatnya, senyum yang lahir daripada hati suci baginda juga terbukti mampu membina harapan sesiapa sahaja yang pernah bersua dengannya. Rasulullah s.a.w. berjaya menghilangkan sikap keras hati masyarakat dengan senyuman, memadam perasaan dengki dan permusuhan antara kaumnya dengan senyuman. Baginda juga memerintahkan umatnya supaya sentiasa menghiasi diri dengan akhlak yang mulia satu ini (Majidy, 2013).

### **3.6 Gurau Senda Baginda s.aw**

Gurau senda adalah perbuatan yang turut menyumbang kepada kegembiraan dan kelapangan hati, terutamanya bagi mereka yang sedang kecewa dan sedih. Selain itu, gurau senda juga dapat menimbulkan senyuman dan ketawa. Secara asasnya, gurau senda diharuskan dalam Islam kerana kehidupan Rasulullah s.a.w. sendiri turut diwarnai dengan gurau senda baginda bersama para sahabat. Namun begitu, gurau senda tidak sama sepertimana yang kita lihat di kaca televisyen pada hari ini, di mana sekumpulan pelawak membuat persembahan dengan jenaka tertentu dan akhirnya penonton ketawa terbahak-bahak (Mujahid, 2014).

Hakikat gurau senda yang dipamerkan oleh Rasulullah S.A.W adalah bercakap benar. Ini kerana segala perbuatan dan percakapan Rasulullah S.A.W berpandukan wahyu daripada Allah S.W.T. Namun, bentuk lawak jenaka manusia yang kita lihat pada hari ini adalah direka-reka dan berpandukan akal semata-mata. Asas kepada perkara ini dinyatakan secara jelas dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Baginda ditanya:

“Adakah tuan bergurau senda dengan kami wahai Rasulullah s.a.w. ? “ Jawab Baginda, “Benar, aku juga bergurau senda dengan kamu, akan tetapi aku tidak mengatakan melainkan kebenaran.”  
(Riwayat al-Tirmidhi dan Ahmad)

Ini adalah kunci asas kepada gurau senda Rasulullah s.a.w. Ia berbeza dengan lawak jenaka sebahagian manusia yang jahil pada hari ini. Seterusnya, terdapat beberapa lagi asas gurau senda Rasulullah SAW iaitu gurau senda Rasulullah s.a.w. tidak sekali-kali berbentuk penghinaan dan cacian kepada orang lain. (Mujahid, 2014). Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Cukuplah seseorang itu melakukan kejahatan apabila dia menghina saudara semuslimnya.”  
(Riwayat Muslim)

#### **4. Kesimpulan**

Kepentingan komunikasi lisan dan bukan lisan dalam rangkaian komunikasi pastinya tidak dapat disangkal lagi. Komunikasi bukan lisan dapat diibaratkan seperti butiran mutiara yang dapat menyerlahkan lagi proses komunikasi lisan agar rangkaian komunikasi itu memberikan kesan kepada ‘pemakainya’. Dalam erti kata yang lebih mudah, aspek komunikasi bukan lisan perlu hadir bersama-sama dengan komunikasi lisan untuk melahirkan komunikasi yang lebih efektif. Penggunaan bahasa badan yang sesuai dengan corak penyampaian dapat menghidupkan suasana pembelajaran dan pengajaran serta menarik minat dan mengukuhkan minat belajar. Kajian empirikal berkaitan dengan penggunaan bahasa badan sangat diperlukan dan berguna kepada pendidik khususnya agar dapat mencorakkan proses pembelajaran dan pengajaran ke arah melahirkan generasi yang bukan sahaja menguasai pelbagai bahasa tetapi juga dapat menguasai kinersik (gerakan anggota badan ketika berkomunikasi).

Disamping itu juga Rasulullah s.a.w. adalah susuk yang fasih berbicara, sedikit berbicara namun penuh makna, mudah mengerti dan tidak menyinggung perasaan orang yang diajak berbicara dan

ketika ada yang salah dan harus dihukum, maka hukumlah dengan adil tanpa harus menghinakannya serta memberikan motivasi perbaikan diri kepada orang yang dihukum dan sudah menyesali kesalahannya, bukan malah menghina atau mencemuhkannya.

## RUJUKAN

al-Quran.

al-Dimashqi, Abu Zakariya Yahya ibn Syaraf al-Nawawi 1987M. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Misr: al-Matba'ah al-Misriyyah wa Maktabatuha.

Achyar Zein. (T.t). Kepimpinan Para Nabi. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4-6.

al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Ju'fi. 1981M. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Fikr: al-Matba'ah al-Nishr.

al-Qazwini, Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Qushairi.

al-Shaybani, Ahmad bin Hanbal. 1990M. *Musnad Ahmad*, Misr: Muassasah Qurtubah.

al-Tirmizi. 2012. *Syama'il Muhammadiyah*. Cet.6. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn.Bhd.

Huzaimah Haji Ismail. (2008). *Islam dan Komunikasi*. Selangor: Reka dan Cetak Resources.

Mansor Ahmad Saman. (1998). *Pengantar Komunikasi*. Pulau Pinang: Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

Misbah em Majidy. (2013). *Senyum Tawa Rasulullah*. Selangor: Kemilau Publika Sdn.Bhd.

Mohd Fahmi Jaes. (2014). Gaya Pembelajaran Dengan Gaya Komunikasi: Satu Pendekatan Untuk Mengesan Karakter Pelajar Politeknik. *Jurnal komunikasi*, 7.

Nasrudin Yunos. (2001). Konsep Komunikasi dan Peranannya Dalam Pembinaan Peradaban Islam. *Jurnal Komunikasi*, 24.

Nawawi Dusuki. (2009). *Ringkas Kehidupan Rasulullah S.A.W*. Selangor: Whole Sale Sdn.Bhd.

Nor Suhaila Che Pa. (T.t) Makna Tanpa Kata-kata: Peranan Bahasa Badan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 7-12.

Robiah Kulop Hamzah. (2001). *Kaedah Komunikasi Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Syeikh Muhd Mujahid. (2014). *Manisnya Tawa & Gurau Senda*. Selangor: Must Read Sdn.Bhd.

Zamri Mohd Zamuldin. (2015). Interaksi Rasulullah dengan Kanak-kanak. *Jurnal Al-Ustaz*, 25.